



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 (09/12)

**LAWATAN RASMI MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA KE
BEIJING, CHINA**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan kenyataan berikut:

BEIJING, CHINA - YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Pertahanan telah mengadakan lawatan rasmi ke Beijing, China dari 18 hingga 21 Disember 2011. Lawatan ini merupakan lawatan rasmi pertama beliau sebagai Menteri Pertahanan ke negara tersebut.

YB Menteri Pertahanan telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Pertahanan Nasional China Jeneral Liang Guanglie dan membincangkan isu-isu geopolitik semasa termasuklah isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan. Selain itu juga kedua-dua pihak bersetuju untuk merealisasikan kerjasama di dalam sektor industri pertahanan.

YB Menteri Pertahanan juga mengadakan kunjungan hormat ke atas Jeneral Guo Boxiong, Naib Pengerusi Jawatankuasa Pusat Tentera Parti Komunis China. Susulan lawatan ini beserta rombongan telah dibawa melawat ke beberapa buah syarikat industri pertahanan utama di Republik Rakyat China. Syarikat-syarikat tersebut telah menyatakan kesediaan untuk mengambil bahagian di dalam pameran pertahanan DSA 2012 di Kuala Lumpur.

Lawatan ini telah berjaya meningkatkan lagi hubungan kerjasama pertahanan serta diplomasi ketenteraan di antara kedua-dua belah pihak selain bersetuju untuk mewujudkan kumpulan kerja bagi membincangkan bentuk kerjasama yang boleh diterokai secara lebih terperinci.

Selain itu, beliau turut berkesempatan bertemu dan beramah mesra dengan pelajar-pelajar Malaysia serta kakitangan Kedutaan Malaysia di Beijing.

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MINDEF

KUALA LUMPUR

22 DISEMBER 2011 (Dikeluarkan jam 7.45 pagi)